

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. KO CHUNG SEN  
(KAMPAR)**

**TARIKH : 17.03.2014  
(ISNIN)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sama ada Kerajaan bersedia mempertimbangkan tambahan bantuan kewangan tahunan atau bulanan kepada 234,000 bekas-bekas tentera yang tidak berpencen dalam meringankan beban belanja mereka menghadapi kenaikan harga barang-barang keperluan dan perkhidmatan kebelakangan ini.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan buat masa ini tidak berhasrat untuk memberi peruntukan tahunan atau bulanan kepada veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang menamatkan perkhidmatan kurang daripada tempoh 21 tahun bagi anggota lain-lain pangkat (LLP) dan 20 tahun bagi pegawai (tertakluk umur persaraan). Sekiranya mereka dhaif dan tiada mata pencarian maka mereka layak untuk mendapat bantuan di bawah Skim Bantuan Sara Hidup JHEV.**

**Bagi meringankan bebanan sara hidup yang semakin meningkat, pelbagai bentuk kemudahan serta bantuan telah disediakan untuk veteran ATM tidak berpencen.**

**Sebagai veteran ATM, mereka layak mendapat pelbagai faedah perubatan yang disediakan oleh Kerajaan seperti rawatan di Institut Jantung Negara (IJN), rawatan kepakaran di hospital swasta, bayaran balik bagi rawatan, rawatan hemodialisis, peralatan pesakit dan perubatan.**

Selain itu, Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan untuk veteran ATM telah diwujudkan untuk meringankan beban hidup mereka dan tanggungannya berdasarkan Paras Garis Kemiskinan (PGK). Ini termasuklah skim Bantuan Sara Hidup, Bantuan Persekolahan, Bantuan Kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi, Bantuan Peralatan Pesakit dan Bantuan Bencana Alam. Setiap veteran ATM dan tanggungannya adalah layak untuk memohon dan dipertimbangkan untuk bantuan-bantuan tersebut.

Veteran ATM juga turut dibantu dari segi kerjaya dan sosio ekonomi bagi memastikan kelangsungan hidup sebaik tamat perkhidmatan. Antara bantuan yang disediakan adalah taklimat-taklimat persediaan persaraan, penjodohan pekerjaan, Klinik Khidmat Nasihat dan latihan yang bersesuaian.